



PELAN STRATEGIK ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2021 - 2030



www.mpsepang.gov.my

© Majlis Perbandaran Sepang

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

PERSIARAN SEMARAK API,CYBER 1
63200 CYBERJAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Telefon : +603 8319 0200 / 03 8319 0300

Faks : +603 8319 0220


PENAFIAN

Majlis Perbandaran Sepang tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan maklumat yang terdapat dalam penerbitan ini.

Pelan Strategik Organisasi:

Majlis Perbandaran Sepang 2021 – 2030

ISBN 978-629-96876-0-3



Pelan Strategik Organisasi ini dirangka sebagai garis panduan hala tuju MPSepang ke arah kesinambungan perkhidmatan berpaksikan rakyat

KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

i

TINTA ASPIRASI YANG DIPERTUA

iii

BAB 1 ► PENGENALAN

1.1	SEJARAH PENUBUHAN	6
1.2	SENARAI AHLI MAJLIS	7
1.3	DASAR KUALITI	8
1.4	FUNGSI DAN PERANAN	9
1.5	PUNCA KUASA	10-12
1.6	LAKARAN KECEMERLANGAN	13-17
1.7	PIAGAM PELANGGAN	18
1.8	CARTA ORGANISASI	19
1.9	LAGU RASMI	20
1.10	LOGO	21
1.11	BUNGA RASMI	22

BAB 2 ► HALA TUJU STRATEGIK MPSEPANG

2.1	VISI	24
2.2	MISI	24
2.3	PEMEGANG TARUH	25
2.4	RAKAN STRATEGIK	26
2.5	PELANGGAN	27
2.6	NILAI KEBERSAMAAN	28-29
2.7	MOTTO	30

BAB 3 ► ISU DAN CABARAN STRATEGIK MPSEPANG

3.1	ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA	32-34
3.2	PENJAJARAN STRATEGIK	35

BAB 4 ► PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MPSEPANG 2016-2020

4.1	RINGKASAN PENCAPAIAN	37-42
-----	----------------------	-------

BAB 5 ► STRATEGI DAN FORMULASITINDAKAN PSO MPSEPANG 2021-2030

5.1	RINGKASAN UTAMA	44
5.2	FOKUS STRATEGIK	45
5.3	PELAN TINDAKAN	47-114

BAB 6 ► MEKANISME PELAKSANAAN, PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

6.1	TADBIR URUS PELAKSANAAN	116-118
6.2	STRATEGI KOMUNIKASI	119

BAB 7 ► PERANTAIAN KE HADAPAN (WAY FORWARD)

7.1	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	121
7.2	ASPIRASI MASA HADAPAN	122

BAB 8 ► PENUTUP

8.1	PENUTUP	124
8.2	DAFTAR ISTILAH	125
8.3	PASUKAN EDITORIAL	126
8.4	DIREKTORI UTAMA	127
8.5	SEKALUNG PENGHARGAAN	128
8.6	RUJUKAN UTAMA	129
8.7	MANAGEMENT TOOLS	130



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2021-2030 merupakan satu pelan yang dikaji semula supaya selaras dengan perubahan persekitaran dan hala tuju semasa. Penggubalan Pelan Strategik ini dibuat dengan penganjuran beberapa siri bengkel dan gabungan input daripada semua jabatan dan unit di Majlis Perbandaran Sepang.

Pelan Strategik ini menekankan pendekatan *Sepang Green Technology City* seiring dengan dasar kerajaan negeri Selangor dalam melestarikan perkhidmatan serta pembangunan yang bersepadu, berdaya tahan dan mampan dengan penerapan teknologi hijau dalam setiap perancangan pembangunan. Ini selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menekankan pelaksanaan agenda hijau dengan mewujudkan ekosistem terbaik dan moden. Usaha ini dapat menarik pelabur dalam teknologi hijau yang berdaya tahan dalam perubahan iklim.

Turut diambil kira dalam kajian ini ialah Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di mana lapan (8) pemboleh daya yang diterapkan diselaraskan di dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2021-2030 agar agenda nasional dapat diteruskan untuk menjadikan Sepang sebagai bandar yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada setiap peringkat pendapatan.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Perbandaran Sepang juga menerima pakai agenda perbandaran baharu dalam merangka teras Pelan Strategik ini untuk memastikan pembangunan bandar yang standard diterima pakai dalam konteks tempatan khususnya jabatan persekutuan, negeri, sektor awam, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Strategi bagi setiap teras Pelan Strategik ini dirangka berpandukan matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals (SDG)* yang meliputi pembangunan ekonomi, sosial, kesihatan, pembersihan sumber, penjimatan sumber tenaga, prasarana infrastruktur/industri dan inovasi, kelestarian bandar dan komuniti, keselamatan dan pembangunan alam sekitar bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat.

Berdasarkan matlamat-matlamat yang ditetapkan, berikut ialah teras Pelan Strategik yang telah dirumuskan ke arah pengurusan dan perkhidmatan yang progresif, responsif dan berdaya saing.



TINTA ASPIRASI YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t. yang telah mengurniakan pelbagai nikmat kepada kita dengan tiada suatu apa pun boleh dinafikan kecuali semuanya adalah kurniaanNya kepada kita. Mensyukuri nikmat akan menjadikan kehidupan kita lebih bahagia dan sejahtera. Demikianlah juga matlamat daerah Sepang ini dibina adalah tidak lain dan tidak bukan demi mengejar rahmat Pencipta dan merealisasikan impian kebahagiaan warganya walau di mana sahaja mereka berada. Semenjak Sepang diisytiharkan sebagai perbandaran pada tahun 2005, daerah ini tidak pernah ‘berehat’ daripada tumbesaran pesat pembangunan. Namun, cabaran sebenar bukanlah bagaimana daerah ini diuruskan, tetapi bagaimana daerah ini mampu menguruskan dirinya sendiri dan seterusnya memenuhi impian warganya.



Kehidupan adalah sesuatu yang kompleks dan memerlukan agenda berterusan, tiada noktah, daya tahan yang mantap dan daya saing yang jitu. Kini pada usia menginjak kematangan 17 tahun, daerah ini akan terus mengorak langkah menuju ke arah bandaraya yang hijau dan moden selari dengan motto MPSepang Bersih, Hijau dan Sejahtera.

Komitmen transformatif pembangunan bandar mampan terus disepadukan di mana elemen sosial, ekonomi, rohani dan alam sekitar kekal sebagai dimensi utama. Ironinya, daerah ini kini berpegang kepada nilai kreatif dan inovatif dengan penerapan teknologi hijau selaras dengan agenda nasional dan negeri seperti Smart Selangor Action Plan 2025, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Sustainable Development Goals (SDG) sebagai kayu pengukur kesiap siagaan daerah ini merentas arus permodenan negara. Elemen ini telah dirangkumkan di dalam penerapan visi dan misi Majlis Perbandaran Sepang.

Selain itu, penyesuaian penjajaran semula berpandukan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda) ini dapat menyerlahkan lagi bahawa daerah Sepang adalah daerah bertaraf global yang memenuhi impian kebahagiaan sebagai penempatan manusia yang inklusif, selamat, sihat, berdaya tahan, makmur dan mampan.

Sejarah menyaksikan daerah Sepang telah menjadikan **Pelan Strategik MPSepang 2016-2020** sebagai kompas pandu arah bagi warga kerja MPSepang dalam memastikan impian kebahagiaan warga kerja dan komuniti di daerah Sepang dapat dipenuhi. Hari ini, wawasan bersama ini telah diperkemaskan melalui **Pelan Strategik MPSepang 2021-2030** bagi meneruskan kesinambungan kecemerlangan daerah bertuah ini. Saya percaya, **Pelan Strategik MPSepang 2021-2030** boleh menjadi alat yang berkesan untuk mencapai matlamat pembangunan mampan dan sumber kepada penyelesaian isu semasa kehidupan daerah Sepang dan ini boleh dicapai dengan syarat kita terus berpegang dan memelihara hubungan manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan persekitaran. Akhir kata, besarlah harapan saya agar semua warga kerja dan warga daerah Sepang dapat meneruskan gandingan kerjasama mantap untuk bersama-sama melakar sejarah demi merealisasikan impian kita bersama.

CYBERJAYA




BAB 1

PENGENALAN

- 1.1 ► SEJARAH PENUBUHAN
- 1.2 ► SENARAI AHLI MAJLIS
- 1.3 ► DASAR KUALITI
- 1.4 ► FUNGSI DAN PERANAN
- 1.5 ► PUNCA KUASA
- 1.6 ► LAKARAN KECEMERLANGAN
- 1.7 ► PIAGAM PELANGGAN
- 1.8 ► CARTA ORGANISASI
- 1.9 ► LAGU RASMI
- 1.10 ► LOGO
- 1.11 ► BUNGA RASMI

1.1 SEJARAH PENUBUHAN



Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan perkhidmatan perbandaran kepada semua warga Sepang. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Sepang bertanggungjawab terhadap perancangan, pembangunan dan khidmat masyarakat.

Pada mulanya, MPSepang dikenali sebagai Lembaga Bandaran Sepang dan kemudian dikenali dengan nama Majlis Daerah Sepang. Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Selangor bertarikh 13 November 2002 telah menaik taraf Majlis Daerah Sepang kepada Majlis Perbandaran Sepang. Perakuan Suruhanjaya Pilihanraya melalui surat bertarikh 7 Mei 2003 turut dirujuk bagi kenaikan taraf ini. Pengesahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diperolehi pada 19 Mac 2004.

Majlis Perbandaran Sepang disahkan naik taraf pada 3 Mac 2005. Kini keluasan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang meliputi keseluruhan kawasan Daerah Sepang iaitu seluas 61,900 hektar (jumlah keluasan yang dinyatakan tidak termasuk kawasan tiga batu nautikal dari tikas air surut).

Upacara pengisytiharan gilang-gemilang dengan mengekalkan adat istiadat Melayu dilangsungkan penuh kemeriahan di Stadium Perbandaran Sepang yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 13 Disember 2005.



1.2 SENARAI AHLI MAJLIS

NAMA	ZON
1 Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj	Cyberjaya
2 Encik Mohd Nazri Bin Sohot	Taman Mas / Putra Prima
3 Dr Abdul Rahman bin Mohamad Saleh	Bandar Bukit Puchong
4 Puan Nermala Dewi A/P Muthusamy	Pulau Meranti
5 Encik B. Chendren A/L Balakrishnan	Putra Perdana
6 Encik Mat Irwan Bin Mat Ismail	Sierra Putri
7 Encik Mohd Shaffee Bin Md Yasin	Sepang Utara
8 Encik Fahrulrazi Bin Zailan	Pinggiran Putra
9 Tn. Hj. Nor Mohd Zulkarnain Bin Abdul Yazid	Desa Putra
10 Cik Aida Rafhana Binti Kamaruddin	Sungai Merab
11 Datuk Dr. Haji Zani Bin Haji Pomiman	Timah Langat
12 Encik Lee Kan Ming	Sri Dengkil
13 Encik Mohd Shah Rezza Bin Mohd Tuniman	Arked
14 Encik Gun Chee Hui	Kota Warisan
15 Encik Muhammad Fahim Bin Mohd Fauzi	Jenderam
16 Encik Mohd Syahrul Amri Bin Mat Sari	BBST Utara
17 Dr. Teo Lian Seng	BBST Selatan
18 Encik Arumugam A/L Ranganathan	Labu
19 Encik Wong Yau Liang	Salak
20 Encik Lwi Kian Keong	KLIA
21 Encik Sivakumar A/L Periasamy	Sepang
22 Encik Suah Chee Hiong	Sg. Pelek
23 Puan Norashikin Binti Abd Halim	Banghurst/Teluk Merbau
24 Puan Vijayarany A/P Arumugam	Sepang Putra

1.3 DASAR KUALITI



“Kami beriltizam meningkatkan kualiti perbandaran melalui perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti dengan mengamalkan budaya kerja korporat dan peningkatan sistem pengurusan kualiti yang berterusan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.”

Perkhidmatan Perbandaran Majlis Perbandaran Sepang merujuk kepada :-

- Dasar Perbandaran Negara
- Dasar Keselamatan ICT
- Manual Kualiti MPSepang
- Polisi Anti Rasuah MPSepang



1.4 FUNGSI DAN PERANAN

- 1 Merancang pembangunan secara tersusun, sejahtera dan seimbang.
- 2 Menyediakan kemudahan infrastruktur awam yang lengkap dan terkini bagi menggalakkan pertumbuhan sosio-ekonomi.
- 3 Menyediakan perkhidmatan kawal selia, pembersihan, kesihatan serta kawalan penyakit berjangkit dengan berkesan dan menyeluruh.
- 4 Menyediakan landskap yang indah dan menarik.
- 5 Meningkatkan kualiti pengurusan kewangan dan perakaunan yang cekap dan telus.
- 6 Mewujudkan suasana persekitaran kerja yang berteraskan kepada teknologi maklumat yang terkini.
- 7 Melesen dan mengawal aktiviti perniagaan, iklan dan penjaja.
- 8 Menjalin hubungan antara masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti sosio-budaya.
- 9 Meningkatkan dan melicinkan pentadbiran melalui perkhidmatan kakitangan yang berkualiti dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dan positif.
- 10 Menguatkuasakan undang-undang dengan adil dan saksama.



1.5 PUNCA KUASA

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan Malaysia, dikenali juga sebagai Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 perkara, adalah undang-undang tertinggi di Malaysia. Ia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dibentuk berdasarkan kepada dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957.

ENAKMEN

Suatu undang-undang yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri dan hanya diterima pakai di seluruh negeri tersebut sahaja. Majlis Perbandaran Sepang menggunakan dua (2) enakmen iaitu:

- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995.
- Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau (Selangor) 1971

AKTA

- Akta Kerajaan Tempatan 1974 (Akta 171)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976 (Akta 133)
- Akta Pengurusan Strata 2013
- Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012



UNDANG-UNDANG KECIL

- 1 Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(Majlis Perbandaran Sepang) Jalan, Parit dan Bangunan 2005
- 2 Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan)(Majlis Perbandaran Sepang) Kerajaan Tempatan 2005
- 3 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986
- 4 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 5 Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 6 Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 7 Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 8 Undang-Undang Kecil Pilihanraya (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 9 Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 10 Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Sepang) 2005
- 11 Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 12 Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 13 Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (Majlis Daerah Sepang) 1996
- 14 Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Sepang) 2005
- 15 Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Sepang) 2005
- 16 Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Perbandaran Sepang) 2007



■ UNDANG-UNDANG KECIL

- 17 Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Sepang) 2005
- 18 Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Sepang) 2005
- 19 Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Sepang) 2013
- 20 Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Sepang) 2013
- 21 Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Sepang) 2013
- 22 Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Sepang) 2013
- 23 Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit (Majlis Perbandaran Sepang) 2013
- 24 Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Sepang) 1996
- 25 Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 26 Undang-Undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 27 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 28 Perintah Tetap (Mesyuarat)(Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 29 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
- 30 Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001
- 31 Kaedah-Kaedah Pemeliharaan Pokok 2001
- 32 Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1999
- 33 Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) (Majlis Daerah Sepang) 1995
- 34 Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010



BAB 1 ► PENGENALAN

1.6 LAKARAN KECEMERLANGAN

		INOVASI	SIJIL DAN PENCAPAIAN
1 2021	Taska free AEDES (TAFES)	Jabatan Kesihatan dan Persekitaran	<p>Nama Anugerah: <i>Inspire to innovate - Inspiring and Reviving The Creative and Innovative Mind In The Soul of The Participants.</i></p> <p>Kategori: Agensi Kerajaan dan Swasta</p> <p>Anugerah: Pingat Emas</p>
2 2021	AEDES Biobased Fuel (ABBF)	Jabatan Persekitaran dan Kesihatan	<p>Nama Anugerah: <i>Inspire to Innovate - Inspiring and Reviving The Creative and Innovative Mind In The Soul of The Participants</i></p> <p>Kategori: Agensi Kerajaan dan Swasta</p> <p>Anugerah: Pingat Emas</p>
			<p>Nama Anugerah: <i>Inspire to Innovate - Inspiring and Reviving The Creative and Innovative Mind In The Soul of The Participants</i></p> <p>Kategori: Agensi Kerajaan dan Swasta</p> <p>Anugerah: 1st Best of The Best Awards</p>
			<p>Nama Anugerah: Piala Inovasi YB Menteri KP KT</p> <p>Anugerah: Tempat Pertama</p>
3 2021	360 Positioning Hydraulic	Jabatan Penguatkuasaan Kumpulan: Cyber Crew	<p>Nama Anugerah: <i>Inspire to innovate - Inspiring and Reviving The Creative and Innovative Mind In The Soul of The Participants.</i></p> <p>Kategori: Agensi Kerajaan dan Swasta</p> <p>Anugerah: Pingat Perak</p>



BAB 1 ► PENGENALAN

1.6 LAKARAN KECEMERLANGAN

2021
4

INOVASI	SIJIL DAN PENCAPAIAN
(PLAYU) Penyelesaian Aduan Berkaitan Kerosakan Penutup Longkang Di Bawah Kawasan Seliaan MP Sepang	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: 5 Bintang
Majlis Perbandaran Sepang dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: Pingat Emas
Kumpulan: Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS)	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: <i>Republic of Croatia International Award of Merit</i>
	Nama Anugerah: <i>Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx)</i> Anugerah: Emas



BAB 1 ▶ PENGENALAN

1.6 LAKARAN KECEMERLANGAN

	INOVASI	SIJIL DAN PENCAPAIAN
5 2021	<p><i>Sandwich Type Nanoparticle Filter Element (STANFEE)</i></p> <p>Majlis Perbandaran Sepang dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang</p> <p>Kumpulan : Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS)</p>	<p>Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i></p> <p>Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i></p> <p>Anugerah: Pingat Perak</p> <p> </p> <p>Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i></p> <p>Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i></p> <p>Anugerah: <i>Republic of Croatia International Award of Merit</i></p> <p> </p> <p>Nama Anugerah: <i>Global Olimpiad – Green Innovation Fair (GO-GIF 2021)</i></p> <p>Kategori: <i>Eco Honorable Certificate</i></p> <p>Anugerah: Pingat Emas</p>
6 2021	<p><i>Smart Hybrid 3000</i></p> <p>Jabatan Penguatkuasaan</p> <p>Nama Kumpulan : Cybercrew</p>	<p>Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event 2021</i></p> <p>Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i></p> <p>Anugerah: Pingat Gangsa</p> <p> </p> <p>Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event</i></p> <p>Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i></p> <p>Anugerah: <i>Republic of Croatia International Award of Merit</i></p>



BAB 1 ► PENGENALAN

1.6 LAKARAN KECEMERLANGAN

INOVASI		SIJIL DAN PENCAPAIAN
7 2021	PLAYU 2.0	<p>Nama Anugerah: <i>Global Olimpiad – Green Innovation Fair (GO-GIF 2021)</i></p> <p>Kategori: <i>Eco Honorable Certificate</i></p> <p>Anugerah: Pingat Emas</p>
	Kumpulan : Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS)	<p>Nama Anugerah: <i>Annual Productivity and Innovation Showcase</i></p> <p>Anugerah: 20 Kumpulan Inovasi Terbaik Sektor Awam (Negeri)</p> <p>Anugerah: 5 Bintang</p>
		<p>Nama Anugerah: <i>Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)</i></p> <p>Kategori: Pihak Berkuasa Tempatan</p> <p>Anugerah: Johan</p>
8 2021/2022	GF Supermask	<p>Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) 2021 COVID-19 International Innovation Awards II Virtual Event</i></p> <p>Kategori: <i>Prevention</i></p> <p>Anugerah: i) Gold Award ii) Best Innovation Award iii) Special Award (<i>International Federation Inventors' Associations</i>)</p>
	Kumpulan : Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS)	<p>Nama Anugerah: <i>Judge Revisit MTE 2021 Covid 19 International Innovation Awards. Special Awards Winners</i></p> <p>Anugerah: <i>Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI) Special Award</i></p>



BAB 1 ► PENGENALAN

1.6 LAKARAN KECEMERLANGAN

	INOVASI	SIJIL DAN PENCAPAIAN
9 2022	Magnetic Oil Sorbent (MOST) Majlis Perbandaran Sepang dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Sepang Kumpulan : Krew Inovasi Sepang Selangor (KISS)	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event 2022</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: i) <i>Gold Award</i> ii) <i>Special Award</i> <i>(National Research Council Of Thailand (NRCT))</i>
10 2022	Sign Scan Jabatan Penguatkuasaan Nama Kumpulan : Cyber Crew	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event 2022</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: <i>Silver Award</i>
11 2022	E- Tender Evolution Unit Tender dan Kontrak Nama Kumpulan : E- Tender Evolution	Nama Anugerah: <i>Malaysia Technology Expo (MTE) Virtual Event 2022</i> Kategori: <i>Public Service Innovation Awards</i> Anugerah: <i>Silver Award</i>

1.7 PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

AM

1	JABATAN PERBENDAHARAAN
2	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
3	JABATAN PENGUATKUASAAN
4	UNIT PERUNDANGAN
5	UNIT KOPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
6	UNIT TENDER DAN KONTRAK

FUNGSIAN

1	JABATAN KEJURUTERAAN
2	JABATAN PERANCANGAN BANDAR
3	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
5	JABATAN KESIHATAN & PERSEKITARAN
6	JABATAN PELESENAN
7	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

1.8 CARTA ORGANISASI

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	JABATAN KEJURUTERAAN	JABATAN PERBENDAHARAAN	JABATAN PERANCANGAN BANDAR	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
Pengarah (N52) 03 8319 0206 suhaila@mpsepang.gov.my	Pengarah (J52) 03 8319 0383 saifunazif@mpsepang.gov.my	Pengarah (WA52) 03 8319 0268 zulhelmi@mpsepang.gov.my	Pengarah (J52) 03 8319 0372 rozeta@mpsepang.gov.my	Pengarah (W48) 03 8319 0332 fahmy@mpsepang.gov.my	Pengarah (N48) 03 8319 0318 zelda@mpsepang.gov.my
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Bahagian Kawalan Pembangunan	Bahagian Hasil / Kaunter	Bahagian Kawalan Dan Perancangan Komuniti	Bahagian Penilaian	Bahagian Pembangunan Sukan Dan Kemudahan Awam
Bahagian Latihan	Bahagian Penyelenggaraan Projek	Bahagian Belanja / Bajet	Bahagian Rancangan Pemajuan Dan Penguatkuasaan	Bahagian Pengurusan Harta	Bahagian Kebudayaan, Kesenian, Sosial Dan Pelancongan
Bahagian Pentadbiran	Bahagian Mekanikal Dan Elektrik	Bahagian Akaun / Gaji			
Bahagian Pengurusan Aset	Bahagian Pentadbiran	Bahagian Pentadbiran Am			
Bahagian Kerusetiaan Dan Pengurusan Rekod					

JABATAN KAWALAN BANGUNAN	JABATAN PENGUATKUASAAN	JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN	JABATAN PERLESENAN	JABATAN LANDSKAP
Pengarah (J48) 03 8319 0352 sulaiman@mpsepang.gov.my	Pengarah (KP44) 03 8319 0223 azran@mpsepang.gov.my	Pengarah (U48) 03 8319 0247 azirol@mpsepang.gov.my	Pengarah (N44) 03 8319 0257 halif@mpsepang.gov.my	Pengarah (J41) 03 8319 0362 arefah@mpsepang.gov.my
Bahagian Proses Pelan	Bahagian Operasi	Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	Bahagian Tred, Perniagaan & Perindustrian	Bahagian Projek Pembangunan Lanskap
Bahagian Kawalan Bangunan	Bahagian Pengurusan Dan Pentadbiran	Bahagian Kawalan Vektor	Bahagian Keusahawanan, Penjaja, Pasar Sari/Malam & Pasar Awam	Bahagian Penyelenggaraan
Bahagian Projek		Bahagian Kacau Ganggu Dan Haiwan	Bahagian Iklan & Permit	Bahagian Hiasan
Bahagian Pentadbiran		Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan	Bahagian Hiburan, Ekspo, Karnival & Pentadbiran	
		Bahagian Kesihatan Am & Persekitaran		

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM	UNIT TENDER DAN KONTRAK
Pengarah (F48) 03 8319 0212 rosziana@mpsepang.gov.my	Pengarah (N48) 03 8319 0237 norrehan@mpsepang.gov.my	Pengarah (J44) 03 8319 0314 nurhidayati@mpsepang.gov.my
UNIT PERUNDUNGAN	UNIT INTEGRITI	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
Pengarah (L48) 03 8319 0232 amirrudin@mpsepang.gov.my	Pengarah (N44) 03 8319 0318 suhana@mpsepang.gov.my	Pengarah (W41) 03 8319 0327 shahidan@mpsepang.gov.my
UNIT AUDIT DALAM	UNIT PUSAT SETEMPAT	
Pengarah (W48) 03 8319 0342 fazariza@mpsepang.gov.my	Pengarah (J48) 03 8319 0287 aziaton@mpsepang.gov.my	

1.9 LAGU RASMI

Berdiri megah Perbandaran Sepang
Seiring wawasan negara
Nadi penggerak gerbang udara
Pemangkin kemakmuran negara
Kesejahteraan rakyat dibela
Membentuk hidup selesa
Bersatu hati bekerjasama
Demi bandar tercinta
Pembangunan demi anak bangsa
Cyberjaya kebanggaan Negara
Tonggak kemajuan dikenali serantau
Menjamin masa depan yang jaya

Korus

Bersamalah berusaha
Pelihara sekitaran
Kualiti perkhidmatan sentiasa ditingkatkan
Bandar ilmu maju dan mampan
Majulah ke hadapan tuju kegemilangan
Majlis Perbandaran Sepang

1.10 LOGO



Bentuk logo adalah berlandaskan bentuk Bunga Semarak Api yang merupakan bunga rasmi Majlis Perbandaran Sepang.

Kelopak bunga yang mengembang dalam dimensi warna biru yakni melambangkan warna Bendera Malaysia.

Warna kuning adalah simbol yang melibatkan kecermerlangan pembangunan Daerah Sepang.

Warna merah merupakan dominasi yang memperkuatkan getaran dan tenaga sebagai Sepang Baru.

Jaringan putih menunjukkan penerapan ICT melalui Cyberjaya dalam pembangunan Sepang.

1.11 BUNGA RASMI



Nama Tempatan : Bunga Semarak Api

Bunga Semarak Api (*Delonix Regia*) telah dipilih sebagai bunga rasmi Majlis Perbandaran Sepang dan penamaannya telah disempurnakan oleh DYMM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Pemangku Raja Selangor pada 16 September 1999.

Pokok Semarak Api

BAB 2

HALATUJU STRATEGIK

- 2.1 ► VISI
- 2.2 ► MISI
- 2.3 ► PEMEGANG TARUH
- 2.4 ► RAKAN STRATEGIK
- 2.5 ► PELANGGAN
- 2.6 ► NILAI KEBERSAMAAN
- 2.7 ► MOTTO

2.1 VISI

Menjadi Perbandaran Bersih, Hijau, Pintar dan Mampan Menjelang 2030



2.2 MISI

Melaksanakan Perkhidmatan Perbandaran Secara Kreatif dan Inovatif Dengan Menerapkan Teknologi Hijau Dalam Pembangunan Ke arah Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi.

2.3 PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)

MP
SEPANG

01 Ahli Majlis

AGENSI /
JABATAN PERINGKAT
DAERAH KERAJAAN
NEGERI

- 01 Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor.
- 02 Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tempatan.
- 03 Jabatan Kerajaan Berkaitan

KERAJAAN
PERSEKUTUAN

- 01 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- 02 Lain-lain Kementerian yang berkaitan
- 03 Jabatan-jabatan Persekutuan yang berkaitan

2.4 RAKAN STRATEGIK

01

Jabatan/Agensi Persekutuan yang berkaitan

02

Institusi kewangan

03

Agensi Awam dan Swasta yang berkaitan

04

Pejabat Daerah & Tanah

05

Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta

06

Badan Profesional

07

Persatuan Berdaftar

2.5 PELANGGAN

- 01** Penduduk (Pembayar Cukai)
- 02** Pelawat / Pelancong
- 03** Pertubuhan Bukan Kerajaan
- 04** Agensi-agensi Kerajaan Dan Swasta
- 05** Pemilik Kediaman (Tanah) / Premis Perniagaan
- 06** Komuniti Perniagaan
- 07** Syarikat Konsesi
- 08** Pemaju dan pelabur

2.6 NILAI KEBERSAMAAN

CADANGAN AKRONIM

BEST

BERSAMA

EFISIEN

SINERGI

TERBAIK

BERSAMA

Dalam merealisasikan visi dan misi MPSepang, setiap individu di kalangan warga kerja dan komuniti daerah Sepang perlu bersama dalam memainkan peranan masing-masing. Sehubungan dengan itu, perancangan yang teratur dan langkah yang taktikal perlu direncanakan dengan kemas agar kebersamaan ini dapat dirasakan oleh setiap warga daerah Sepang. Dengan rasa kebersamaan ini, kita yakin segala perancangan dalam Pelan Strategik MPSepang 2021-2030 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

EFISIEN

Bagi memastikan matlamat Pelan Strategik ini dicapai secara optimum, gerak kerja yang tersusun perlu dirancang dengan lebih awal agar segala sumber yang diperlukan digunakan dengan efisien tanpa melibatkan sebarang pembaziran. Selain itu, ke arah era pendigitalan, setiap warga daerah Sepang perlulah memperkasakan diri mempelajari teknologi dalam usaha mempersiapkan diri untuk menjadi lebih efisien.

SINERGI

Matlamat utama pencapaian sinergi dalam organisasi adalah untuk penggunaan tenaga kerja dalam sumber lain secara cekap dan optimum. Oleh itu, paduan tenaga di antara komuniti daerah Sepang dan warga kerja MPSepang mampu membentuk sinergi yang jitu dalam usaha menjadikan daerah Sepang sebagai suatu daerah yang mampan dan lestari.

TERBAIK

MPSepang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga daerah Sepang. Selain itu, MPSepang juga setiap masa meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan mengikut peredaran semasa agar sentiasa relevan. Oleh yang demikian, selaras dengan hasrat tersebut, setiap warga daerah Sepang perlu sentiasa memberikan khidmat dan kepakaran yang terbaik agar dapat digunakan untuk manfaat bersama oleh semua.

2.7 MOTTO

**'Bersih,
Hijau
Dan
Sejahtera'**



BAB 3

ISU DAN CABARAN STRATEGIK

3.1 ► ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

3.2 ► PENJAJARAN STRATEGIK

3.1 ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Analisis persekitaran ialah satu kaedah pengurusan bagi memahami landskap semasa organisasi dari segi jangkaan perubahan persekitaran, cabaran dan tuntutan masa hadapan. Selain itu, analisis persekitaran juga digunakan untuk membentuk strategi dan program yang berkesan bagi mencapai matlamat teras strategik.

MPSepang telah melakukan kaji selidik mengenai keperluan komuniti daerah Sepang sebelum penyediaan Pelan Strategik ini. Selain itu, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2021 - 2030 dirangka berdasarkan analisis persekitaran bagi mengenal pasti isu - isu strategik dalam merealisasikan visi dan misi Majlis Perbandaran Sepang.

Berikut merupakan analisis persekitaran yang telah dikenalpasti iaitu :

ELEMEN *STRENGTH* (KEKUATAN)

- 01 Mempunyai status kewangan yang kukuh.
- 02 Mempunyai banyak tanah yang berpotensi untuk dibangunkan.
- 03 Mempunyai jaringan kemudahan dan infrastruktur awam yang baik.
- 04 Mempunyai projek-projek mega bagi memacu pembangunan.
- 05 Menjadi tumpuan syarikat multinasional.

3.1 ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

ELEMEN WEAKNESSES (KELEMAHAN)

- 01 Kawasan operasi yang terlalu besar.
- 02 Capaian jaringan infra telekomunikasi yang tidak menyeluruh.
- 03 Keadaan topografi yang sensitif kepada alam sekitar.
- 04 Punca kuasa/perundangan yang memerlukan semakan semula.

ELEMEN OPPORTUNITY (PELUANG)

- 01 Cyberjaya sebagai ikon bandar pintar negara.
- 02 Kawasan pembangunan yang aktif dan peluang CSR bersama pemaju.
- 03 Sumber lokal dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berpotensi tinggi.
- 04 Pembangunan yang pesat dan terancang.
- 05 Mempunyai pakar akademik dan profesional daripada institusi pengajian tinggi yang mampu bekerjasama dalam usaha RND.

3.1 ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

ELEMEN *THREAT* (ANCAMAN)

- 01 Bencana alam.
- 02 Ancaman serangan siber.
- 03 Wabak penyakit.
- 04 Vandalisme dan salah guna infrastruktur yang telah disediakan.
- 05 Kos penyediaan dan penyelenggaraan prasarana yang tinggi.

3.2 PENJAJARAN STRATEGIK

Ke arah memastikan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2021-2030 merupakan dokumen holistik yang mengambil kira hasrat dan aspirasi para pemegang taruh sama ada di peringkat nasional dan negeri, visi, misi, teras strategik, strategi berserta program yang dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tempoh Pelan Strategik ini telah dijajarkan dengan dasar-dasar utama peringkat nasional dan negeri sebagaimana berikut:

i

Smart Selangor Action Plan 2025

ii

Rancangan Malaysia ke-12

iii


Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

iv

Sustainable Development Goals (SDG)

BAB 4

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2016-2020



RINGKASAN PENCAPAIAN KESELURUHAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2016-2020

LAPORAN PENUH PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2016 – 2020

1.0 PENGENALAN

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016 - 2020 adalah kesinambungan daripada Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2012 – 2015 yang menitikberatkan berkenaan matlamat utama yang ingin dicapai oleh organisasi berdasarkan Moto Bersih, Hijau dan Sejahtera. Beberapa matlamat telah diubah selari dengan perkembangan pembangunan yang maju dan terus berkembang di daerah Sepang. Beberapa teras Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2012-2015 telah dikekalkan dan terdapat juga teras yang telah ditambah baik melalui kajian semula Pelan Strategik yang dijalankan. Lima (5) teras utama Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016-2020 yang telah menjadi tunjang hala tuju MPSepang adalah seperti berikut :-

- i** — Sepang Bersih Tanggungjawab Bersama
- ii** — Teknologi & Persekutaran Hijau Satu Keutamaan
- iii** — Pembangunan Mampan
- iv** — Komuniti Bahagia
- v** — Tadbir Urus Yang Cemerlang

Setiap teras yang telah disenaraikan di atas mempunyai beberapa matlamat dan aktiviti berbeza. Aktiviti yang disenaraikan adalah meliputi tugasan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan kerana ia adalah soalan-soalan daripada Pengauditan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) yang diadakan 2 tahun sekali. Selain itu, aktiviti Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016-2020 telah diolah melalui tugasan Sasaran Kerja Tahunan dan Amalan Terbaik yang dijalankan oleh setiap Jabatan/Unit di Majlis Perbandaran Sepang.

LAPORAN PENUH PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2016 – 2020

2.0 Teras Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016-2020

2.1 TERAS 1 Sepang Bersih Tanggungjawab Bersama

Teras Bersih ini adalah kesinambungan daripada teras kebersihan yang diketengahkan dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2012-2015. Teras bersih ini dibawa dalam Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016-2020 kerana tugas utama sesebuah PBT adalah memastikan kawasan di bawah seliaan mereka sentiasa bersih demi kemudahan dan meningkatkan tahap kepuasan perkhidmatan kepada penduduk. Di dalam Teras Bersih, sebanyak 52 aktiviti telah disenaraikan dan 47 aktiviti telah dicapai sehingga Oktober 2020 iaitu 90% daripada keseluruhan aktiviti di dalam teras bersih telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pihak Jabatan / Unit. Pihak Jabatan/Unit telah menggiatkan usaha bagi memastikan peratusan aktiviti bagi teras ini dapat mencapai 100%. Walau bagaimanapun, aktiviti yang tidak dicapai ini melibatkan beberapa faktor antaranya adalah pengambilalihan pengurusan sampah dan sisa pepejal oleh pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

2.2 TERAS 2 Teknologi & Persekutaran Hijau Satu Keutamaan

Teras Hijau ini juga adalah teras utama seperti yang termaktub di dalam Moto MPSepang Bersih, Hijau dan Sejahtera. Persekutaran hijau yang menjamin keharmonian dan kelestarian bandar di daerah Sepang adalah antara nadi penggerak bagi kemakmuran, kesihatan dan kemajuan penduduk. Daerah Sepang yang mempunyai Bandar ICT dan berteknologi tinggi seperti di Cyberjaya memerlukan pengudaraan yang bersih dan hijau agar Local Agenda 21 yang menerapkan Bandar Bebas Karbon dapat dikekalkan. Di dalam Teras Hijau, sebanyak 87 aktiviti telah disenaraikan dan 77 aktiviti telah dicapai sehingga Oktober 2020 iaitu 88% daripada 3 keseluruhan aktiviti di dalam teras hijau telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan/Unit. Beberapa aktiviti tidak dapat dicapai melalui teras ini kerana ia melibatkan projek jangka panjang yang akan dilaksanakan sehingga selesai pada akhir tahun 2020. Selain itu, terdapat program yang dibatalkan selepas perbincangan antara Jabatan/Unit dan pembatalan program ini telah dimaklumkan melalui Bengkel SKT & Pelan Strategik yang diadakan setiap Januari/Februari setiap tahun. Ini merupakan hasil kajian semula yang dilaksanakan bagi memastikan setiap aktiviti yang dirancang merupakan aktiviti yang realistik untuk dicapai.

LAPORAN PENUH PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG 2016 – 2020

2.0 Teras Pelan Strategik Majlis Perbandaran Sepang 2016-2020

2.3 TERAS 3 Pembangunan Mampan

Teras Pembangunan Mampan adalah teras yang disenaraikan melibatkan Jabatan Teknikal dan juga Jabatan Pelesenan. Teras ini diwujudkan bagi memastikan setiap projek yang ingin dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Negeri Selangor. Aktiviti yang disenaraikan dalam teras ini juga sejajar dengan tugas MPSepang dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk dengan penambahbaikan infrastruktur, penyediaan kemudahan awam dan pembinaan gerai yang tersusun agar penduduk dapat menjalankan aktiviti perniagaan dengan lebih baik dan tersusun.

Di dalam Teras Pembangunan ini sebanyak 13 matlamat telah disenaraikan melibatkan 115 aktiviti. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 97 aktiviti telah dicapai iaitu sebanyak 84% daripada keseluruhan aktiviti yang telah disenaraikan. Peratusan bagi teras pembangunan ini agak rendah kerana teras ini melibatkan banyak projek-projek mega yang mempunyai jangka masa projek yang memakan masa yang lama selain aktiviti yang melibatkan tugas yang memerlukan tindakan bersama dengan agensi luar.

2.4 TERAS 4 Komuniti Bahagia

Teras Komuniti Bahagia lebih melibatkan penglibatan penduduk dalam program dan aktiviti kemasyarakatan dan riadah. Program komuniti bahagia ini menjurus kepada aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Perunding Penduduk di peringkat Zon (JPP Zon) di daerah Sepang. Ini bagi memastikan komunikasi dua hala antara Majlis Perbandaran Sepang dan penduduk akan lebih baik bagi melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan saling bekerjasama di dalam sesebuah komuniti. Melalui teras ini, sebanyak 6 matlamat telah digariskan bagi memacu MPSepang mencapai matlamat melahirkan masyarakat yang saling bekerjasama. Sebanyak 53 aktiviti telah digariskan di dalam teras ini dan 50 aktiviti iaitu 94% telah mencapai 100% sehingga bulan Oktober 2020. Tiga aktiviti yang tidak dapat dicapai kerana aktiviti yang ditangguhkan dan pembukaan pusat komuniti ICT di luar bandar yang melibatkan kos yang tinggi dan di luar bidang tugas PBT.

**LAPORAN PENUH PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK
